

Penentuan Hukum Vape Menurut Perspektif Islam Dan Sains

Ahmad Fikri Arif Bin Muhamad Fuat
Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Abstrak

Isu mengenai menghisap vape menjadi perdebatan hebat kini. Dengan kenaikan harga rokok yang mendadak membuatkan menghisap vape dikatakan lebih murah dan merupakan salah satu inisiatif untuk memberhentikan seseorang dari merokok. Namun begitu, sehingga kini, masih tiada kajian yang konkrit mengesahkan isu ini. Kabinet telah membuat keputusan untuk tidak mengharamkan vape tetapi kajian yang di tunjukkan bahawa nikotin yang terdapat di dalam cecair vape amat berbahaya kepada kesihatan seseorang bagi jangka masa panjang. Nikotin boleh menyebabkan penyakit darah tinggi berlaku, serangan jantung, kecacatan bayi, rabun, putus haid awal, dan kesan sampingan yang lain. Dalam pada itu, pengambilan nikotin yang tidak terkawal juga boleh membawa kepada penyakit barah. Persoalannya disini, apakah hukum menghisap vape. Oleh kerana menghisap vape merupakan satu isu yang baharu, maka hukum menghisapnya masih tidak banyak diperkatakan. Buat masa kini hanya beberapa mufti sahaja yang baru mengeluarkan fatwa bagi mengesahkan bahawa menghisap vape hukumnya adalah haram iaitu Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr.Zulkifli Al-Bakri dan Mufti Kedah iaitu Datuk Syeikh Muhamad Baderudin Ahmad. Hal yang demikian membuatkan penulis merasakan isu ini mesti dikaji dengan lebih mendalam untuk mengenalpasti hukumnya. Kajian menjelaskan bahawa dalam proses penentuan hukum vape di Malaysia, keputusan yang dibuat selain merujuk melalui perspektif sains, ia turut merujuk kepada kaedah fiqh serta masalah untuk mengeluarkan sesuatu hukum.

Kata kunci: Hukum; Vape; Kesihatan; Pembaziran; haram

Pendahuluan

Hukum merupakan sesuatu kepercayaan dan pegangan kepada setiap individu Islam untuk berpegang kepadanya dan beramal. Setiap hukum yang akan dikeluarkan mestilah berpandukan garis panduan samada ianya dibenarkan syarak atau sebaliknya. Justeru itu, setiap hukum yang dikeluarkan daripada para alim ulama sudah semestinya dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam untuk menjadi panduan serta rujukan oleh semua lapisan masyarakat bagi memudahkan untuk beramal di dalam kehidupan. Begitu juga dengan hukum menghisap vape. Isu menghisap vape begitu panas diperkatakan ketika ini kerana ia dikatakan tiada kemudharatan dan merupakan salah satu cara untuk menghentikan dari menghisap rokok. Hal yang demikian menyebabkan ramai anak muda kini seolah-olah menjadi suatu habitat kepada mereka menghisap vape tidak kira dimana mereka berada dan termasuk juga kaum wanita.

Isu ini amat membimbangkan kepada generasi kita pada masa kini kerana mereka suka mengikut dengan cara hidup budaya barat. Selain itu, penjualan vape yang tidak terkawal juga telah menular di seluruh negara tanpa sekatan. Hal ini amat membimbangkan masyarakat kerana golongan remaja juga semakin berleluasa menghisap vape tanpa rasa bersalah dan ia sekarang sudah menjadi tradisi kepada golongan dewasa, remaja, mahupun kanak-kanak tidak kira lelaki atau wanita. Sehingga kini, tiada kajian konkrit yang mengesahkan hal ini (Utusan Online 2015). Isu ini juga telah menarik perhatian pelbagai

pihak antaranya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), kerajaan persekutuan dan negeri, lapisan masyarakat dan pengguna vape itu sendiri (Sinar Harian 2015). Mereka mudah terpengaruh dan terikut-ikut dengan aktiviti yang langsung tiada faedah ini tanpa mengetahui kesan sampingan yang boleh memudharatkan pada masa akan datang malah amat membimbangkan golongan masyarakat.

Oleh itu, artikel ini akan membincangkan dengan lebih mendalam tentang kemudharatan vape kepada kesihatan seterusnya artikel ini akan membincangkan tentang hukum menghisap vape menurut perspektif islam menerusi kaedah fiqh yang diperbahaskan oleh sebilangan ulama' dalam mengharamkan perbuatan ini.

Definisi rokok elektronik dalam konteks semasa

Electronic Cigarette (rokok elektronik) adalah salah satu NRT yang menggunakan listrik dari tenaga bateri untuk memberikan nikotin dalam bentuk wap dan oleh WHO disebut sebagai Electronic Nicotine Delivery System (ENDS) (World Health Organization, 2009). Rokok elektronik dirancang untuk memberikan nikotin tanpa pembakaran tembakau dengan tetap memberikan kenikmatan merokok kepada penggunanya (Cobb NK, 2010).

Rokok elektronik dicipta dari China dan dibuat pada tahun 2004 dan ia begitu cepat menular di seluruh dunia. Seperti yang diketahui, rokok terdiri dari 3 bahagian iaitu: battery (bahagian yang mengandungi bateri), atomizer (bahagian yang akan memanaskan dan mengewapkan larutan nikotin), dan cartridge (mengandungi larutan nikotin), seperti terlihat pada gambar rajah di bawah.



Gambar Rajah 1 : Struktur rokok elektronik

Cara penggunaan rokok ini adalah seperti merokok biasa, ketika menghisap, api akan menyala pada hujung rokok lalu hisapan itu akan mengaktifkan bateri yang akan memanaskan larutan nikotin lalu menghasilkan wap yang dihisap oleh pengguna (Cobb NK, 2010). Rokok elektronik juga dikatakan sebagai alat membantu untuk berhenti dari merokok dengan cara mengurangkan kadar nikotin. Di Amerika, penghisap rokok elektronik memilih rokok elektronik sebagai alat pengganti untuk berhenti dari merokok (Etter JF, 2010).

Cecair yang berada di dalam katrij dikenali sebagai e-liquid. Dalam pada itu, kandungan utama cecair e-liquid adalah nikotin, propylene glycol dan bahan perasa. Nikotin terdapat di dalam wap daun tembakau, ketika rokok dinyalakan, maka nikotin beroperasi dan menyatu pada asap tembakau yang di hisap perokok. Nikotin juga terserap cepat di dalam tubuh. Nikotin juga menstimulasi sistem saraf pusat, meningkatkan denyut jantung dan tekanan darah (Ash Fact Sheet, 2014).

Selain itu, propylene glycol pula boleh menyebabkan kesan jangka panjang dan menyebabkan iritasi kepada sistem pernafasan dan menyebabkan penyakit asma (Choi et al, 2010). Di samping itu, kesan yang boleh dihadapi nya juga adalah boleh mengakibatkan kanser (Jensen et al., 2015). Dalam pada itu, kesan bahan perasa juga turut memainkan peranan penting antaranya adalah ia boleh menyebabkan kesan toksik kepada sel badan. Ini

menunjukkan bahawa bahan perasa mampu membunuh sel iaitu sel paru-paru, otak dan lapisan kulit, apabila dipanaskan dan disedut ke dalam paru-paru penghisap (Bahl et al., 2012).

Rokok elektronik dari sudut kesihatan dan sains

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin pada sidang media selepas muzakarah memutuskan tentang pengharaman vape di Malaysia, beliau berkata kajian dari sudut kesihatan turut diambil kira dan hasil maklumat yang diperolehi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang melakukan pengumpulan maklumat mengenai kesan penggunaan bahan itu di seluruh dunia (Astro Awani, 2015).

Hasil kajian telah membuktikan nikotin telah menggalakkan pembekuan darah (Schaller et al., 2013). Perkara ini disebabkan oleh jumlah nikotin yang terdapat di dalam rokok elektronik tersebut yang mana kandungannya adalah berbeza daripada kenyataan yang telah tertulis pada label rokok elektronik tersebut. Ia mengandungi antara 6-8 mg dalam setiap 1 ml cecair (mg/ml) yang mana dilabelkan berkepekatan rendah. Ada juga yang mengandungi 16-18 mg/ml yang berkepekatan tinggi atau 24-36 mg/ml yang berkepekatan ekstra tinggi. Namun perlu diketahui bahawa apabila semua 60 mg nikotin diserap dalam darah, ia boleh mengakibatkan untuk membunuh seorang dewasa yang tidak merokok.

Selain itu, nikotin yang menyerap masuk ke plasenta ibu yang mengandungi pula boleh menyebabkan gangguan proses perkembangan bayi dalam kandungan (Maritz et al., 2009). Perkara ini bukan sahaja memudaratkan ibu mengandungi malah bayi yang dikandung juga turut mendapat kesan daripada pengambilan vape tersebut.

Kajian telah menunjukkan bahawa pendedahan otak kepada nikotin ketika remaja sangat membahaya kerana zaman remaja adalah peringkat perkembangan otak dan suka mencuba bahan-bahan telarang yang akan mendamping dengan penyalahgunaan dadah (Yuan et al., 2015). Proses pembelajaran juga akan turut terganggu dan boleh menyebabkan para remaja menjadi ketagih. Rokok elektronik pada masa kini begitu berleluasa digunakan oleh masyarakat termasuk juga dengan remaja perempuan dengan pelbagai alasan. Antara alasan yang paling popular adalah alat ini dapat meninggalkan dari rokok yang sebenar dan berhenti secara perlahan-lahan. Namun realitinya kini adalah tiada langsung kelebihan menghisap rokok elektronik untuk berhenti merokok malah akan menjadi lebih ketagih dan terdedah dengan kesan sampingannya.

Dalam hal ini, kesukaran untuk berhenti akibat dari bergantung kepada nikotin. Kebanyakan akhirnya menjadi pengguna tegar (Al-Delaimy et Al., 2015). Hal ini jelas menunjukkan pengambilan vape ini tidak menyelesaikan masalah dari ketagihan merokok malah menambahkan lagi ketagihan terhadap vape.

Satu kajian tentang keberangkalian untuk berhenti merokok bagi perokok konvensional dan pengguna rokok elektronik dalam dunia sebenar dan tatacara klinikal telah dijalankan melalui kaedah pemeriksaan sistematik dan meta-analisis, kajian ini telah dijalankan oleh Kalhoran S dan Glantz S.A daripada Jabatan Perubatan University of California San Francisco dan diterbitkan di *Lancet Respiratory Medicine* pada 14 Januari 2016. Dalam kajian itu, sebanyak 38 daripada 577 pemeriksaan sistematik dan meta-analisis, dan hasilnya menunjukkan keberangkalian untuk berhenti merokok adalah 28% (nisbah keberangkalian 0.72.95% CI 0.57-0.91) lebih rendah terhadap mereka yang menggunakan rokok elektronik berbanding dengan mereka yang tidak menggunakan rokok elektronik.

Kesan wap vape terhadap orang sekeliling

Tidak semua wap vape yang dihisap oleh seseorang itu akan masuk ke dalam paru-paru penghisap. Sebahagian besar wap vape dan bahan-bahan kimia di dalamnya akan dihembus keluar. Oleh hal yang demikian, orang yang berada di sekeliling boleh turut sama menghisap bahan kimia yang ada di udara persekitaran.

Beberapa negara telah mengeluarkan nasihat agar orang ramai terutamanya kanak-kanak dan ibu mengandung agar menjauhi dan mendekati vape daripada menghisap ataupun menghidunya kerana bimbang kandungan nikotin yang akan merencatkan tumbesaran otak bayi di dalam kandungan serta memberi kesan terhadap kanak-kanak juga.

Disamping itu juga, kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang seperti kanser dan penyakit kronik paru-paru turut terkesan. Oleh hal yang demikian kesan vape ini bukan sahaja akan melibatkan penghisap vape sahaja, akan tetapi orang ramai yang berdekatan yang tidak menghisapnya turut terkesan dengan perilaku penghisap yang tidak bertanggungjawab ini.

Pandangan para ulama' terhadap vape

Para ulama' telah bersepakat menyatakan bahawa merokok hukumnya haram kerana ia telah jelas boleh memudharatkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan harta serta dikategorikan sebagai salah satu dari perkara yang keji. Begitu juga dengan vape yang mana para ulama' mengkiaskan hukum menghisap vape kepada menghisap rokok yang sebenar kerana perbuatan dan sifatnya yang sama. Seterusnya ia juga mendatangkan kemudharatan kepada penghisap dan juga orang ramai. Oleh hal yang demikian, hukum kedua-duanya adalah sama.

Para ulama' mengeluarkan pandangan berdasarkan nas-nas yang berikut:

- a) Firman Allah s.w.t :

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ
(al-Quran, al-Baqarah 2, 195)

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan”.

- b) Firman Allah s.w.t :

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ
(al-Quran, al-A'raf 7, 157)

Maksudnya : “Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk”.

- c) Menerusi kaedah usul fiqh :

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya : “ Menolak kerosakkan adalah di dahulukan daripada mencari kemaslahatan”. (Ibrahim bin Musa 1997)

- d) Firman Allah s.w.t :

إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا
(al-Quran, al-Isra' 17, 27)

Maksudnya : “ Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya”.

Yang dimaksudkan pemborosan disini adalah membelanjakan wang kepada perkara yang diharamkan oleh Allah, samada banyak atau sedikit walaupun sebesar sayap nyamuk sekalipun. Selain itu, pembaziran yang tidak ada keperluannya. Dalam pada itu, ia juga boleh dikategorikan sebagai membuang wang walaupun ia nya kecil jumlahnya, dengan membuang tanpa tujuan, itu menjadikan ia perkara yang sia-sia.

Hukum menghisap vape menurut perspektif islam

Hukum pengharaman arak dan khinzir tidak boleh disamakan dengan hukum haram merokok kerana hukum pengharaman terhadap arak dan khinzir telah dinyatakan secara jelas dan qat'ie oleh Allah s.w.t.di dalam kitab suci al-Quran. Manakala hukum pengharaman terhadap perbuatan merokok telah diistinbatkan oleh para jumbuh ulama terdahulu dan masa kini besandarkan hujah-hujah kepada nas-nas syarak yang jelas dinyatakan.

Dalam isu vape ini, walaupun tiada dalil secara khusus yang menyatakan ianya haram, tetapi ia telah dikiaskan dari segi persamaannya dengan rokok yang sebenar. Dalam isu merokok ini, sebab yang menjadikannya haram ialah kesan mudharat dan bahayanya sehingga meruntuhkan lima asas utama (al-kulliyatul khams) yang wajib dipelihara oleh setiap manusia iaitu agama, jiwa, maruah, keturunan, akal dan juga harta.

Antara hukum yang menyebabkan vape haram adalah :

1. Mengqiyaskan menghisap vape dengan menghisap rokok yang sebenar
2. Pandangan pakar yang mengatakan vape membawa kepada kemudharatan
3. Pembaziran duit dengan dengan membeli alat vape dan cecair yang mahal
4. Amalan yang tidak bermaruah
5. Meniru cara amalan hidup orang barat
6. Mengambil kaedah sad al-Zari'ah (menutup pintu kerosakkan)

Majlis fatwa kebangsaan dan jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri hendaklah mengeluarkan fatwa khusus mengenai penggunaan vape. Pihak kerajaan pula hendaklah mengambil tindakan tegas keatas penggunaan nikotin yang tidak terkawal dalam vape. Pihak kerajaan juga perlu memperkenalkan satu undang-undang dan peraturan khusus berkenaan vape sebelum ia tidak lagi terkawal. *relevance of the concept within the present regime governing corporate responsibility.*

Kesimpulan

Pandangan pakar perubatan dan kesihatan iaitu ahli yang berpengetahuan dalam bidang tersebut telah diambil kira dalam keputusan fatwa tentang pengharaman vape di Malaysia. Jelas terbukti bahawa pengambilan rokok elektronik atau vape memberi banyak kesan yang memudaratkan terhadap kesihatan disebabkan kandungan nikotin yang terdapat dalamnya. Hal ini bertentangan dengan salah satu prinsip maqasid syariah iaitu memelihara diri daripada sebarang kecelakaan dan kebinasaan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah menjemput pakar untuk membuat keputusan fatwa. Keputusan yang dibuat melibatkan masalah seluruh umat Islam di Malaysia. Jika wujud masalah amah yang sebenar dalam pengharaman vape, maka menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia untuk mematuhiinya. Oleh itu, pandangan yang benar-benar sahih sahaja diambil kira sebagai rujukan dalam proses pembuatan hukum haram vape di Malaysia.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Al-Delaimy W.K. Myers M.G. Leas E.C. Strong DR. Hofstetter C.R. 2015. *E-Cigarette use in the past and quitting behavior in the future : a population based study. American Journal of public Health* 105 (6) : 1213-9
- ASH fact Sheet. 2014. what's in a cigarette. Available from www.ash.org.vk/files/documents/ASH_117.PDF. Accessed 28 Januari 2016
- Astro Awani. 2015. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/majlis/fatwa/kebangsaan-haramkan-penggunaan-vape-dan-rokok-elektronik-865115> (diakses pada 3 Ogos 2016)
- Bahl V. Lin. XU. Davis. Wang.Y.H. Talbot. t.th. *Comparision of electronic cigarette refill fluid cytotoxicity using embryonic and adult models. Reproductive toxicology* 34:529-537
- Bullen C.B. Howe C. Laugesen M. MC Robbie H. Parag V. William J. 2013. *Electronic Cigarettes for smoking cessation: a randomised controlled trial. Lancet* 382(9905):1629-37
- Choi H.Schmidbaver N. Suddel J. Hascelgren M. Spengler J. Bornehag C.G. 2010. *Common household chemicals and the allergy risks in pre-school age children.Plos one* 5 (10) : el 3423
- Cobb NK. Byron MJ. Abrams DB. Shields PG. 2010. *Novel Nicotine Delivery Systems and Public: Helath: The Rise of " E- Cigarette"'.Am J Public Health .12. 2340-2*
- Etter J.F.2010. *Electronic Cigarettes : a survey of users. BMC J Public Health:10:231*
- Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Laqomi. 1997. *Kitab al-Muwafiqat. Bab Qawaid al-Fiqhiyyah wa qoiriha*. Dar Ibn Afan
- Jensen R.P. 2015. *Hidden Formaldehycle in E- Cigarette Aerosol New England Journal of medicine* 372:392-394
- Maritz G.S. 2009. *Are nicotine replacement therapy.Varenicline or bupropion options for pregnant mothers to quit smoking. Effects on the respiratory systems of the off spring.Therapeutic advances in Respiratory Disease* 3(4): 193-210
- Schaller K. Ruppert L. Kahnert S.Bethke C. Nair V. Porschke Langer M. 2013. *Electronic Cigarettes an overview.German Cancer Research Center,Heidel berg*
- Sinar Harian .2015. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/2015-kronologi-isu-vape-di-malaysia-1.467532> (diakses pada 20 Julai 2016)
- Utusan Online. 2015. <http://www.utusan.com.my/rencana/hukum-haram-menghisap-vape-1.157028> (diakses pada 20 Julai 2016).
- World Health Organization Study Group On Tobacco Regulation. 2009.t.th.
- Yuan M. Cross S.J.Loughlin S.E. Leslie F.M. 2015. *Nicotine and the adokscent brain. The journal of Physiology* 1:1-16